

CHLORAMINE SYRUP

Chlorpheniramine Maleate (4mg/5ml)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Chloramine Syrup 4mg/5ml
2. Bagaimana Chloramine Syrup 4mg/5ml berfungsi
3. Sebelum mengambil Chloramine Syrup 4mg/5ml
4. Cara menggunakan Chloramine Syrup 4mg/5ml
5. Semasa menggunakan Chloramine Syrup 4mg/5ml
6. Kesan-sesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Chloramine Syrup 4mg/5ml
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

Apakah kegunaan Chloramine Syrup 4mg/5ml

Digunakan untuk mengawal tindak balas alahan disebabkan oleh kesan histamin dalam badan seperti:

- Demam alergi
- Iritasi hidung dan hidung berair
- Geligata
- Iritasi kulit.

Bagaimana Chloramine Syrup 4mg/5ml berfungsi

Bahan aktif, chlorpheniramine maleate, merupakan antihistamin yang berfungsi dengan menyekat bahan semulajadi yang dibuat oleh tubuh (histamin) semasa reaksi alergi. Tindak balas antimuskarinik memberikan kesan pengeringan pada lapisan dalam hidung.

Sebelum mengambil Chloramine Syrup 4mg/5ml

Bila tidak boleh mengambil:

- Untuk kanak-kanak bawah 2 tahun.
- Jika anda mempunyai alahan kepada *Chlorpheniramine Maleate* atau ubat antihistamin yang lain.
- Jika anda dalam 3 bulan pertama kehamilan atau menyusukan anak.
- Jika anda sedang menerima antikoagulan

Sebelum mula mengambil:

Sila beritahu doktor anda jika anda mengalami mana-mana keadaan/penyakit yang berikut:

- Peningkatan tekanan dalam mata.
- Ulser perut atau usus.

- Halangan gastrik dan duodenum
- Penyumbatan pada pundi kencing
- Peningkatan aktiviti kelenjar tiroid.
- Penyakit jantung dan saluran darah.
- Tekanan darah tinggi.
- Asma.

Jika mengambil ubat-ubat lain:

Sila beritahu doktor atau ahli farmasi anda jika anda mengambil sebarang ubat-ubatan, ini termasuk ubat yang diperolehi tanpa preskripsi. Doktor anda mungkin perlu menukar dos ubat-ubat anda yang lain atau mengambil langkah berjaga-jaga yang lain. Dalam setengah kes, anda mungkin perlu menghentikan pengambilan salah satu ubat. Ini terutamanya kepada ubat-ubat yang disenaraikan di bawah yang diambil bersama-sama dengan Chlorpheniramine Maleate:

- Ubat-ubatan yang akan menyebabkan mengantuk seperti ubat penenang, barbiturat, ubat pelali dan ubat depresan sistem saraf pusat yang lain.
- Antikoagulan – digunakan untuk menghalang darah beku.
- Perencat Monoamine Oxidase (MAO)

Cara menggunakan Chloramine Syrup 4mg/5ml

Berapa banyak harus digunakan

Dewasa: 5ml 3 atau 4 kali sehari. Kanak-kanak:

- 2–5 tahun: 2.5ml, 3 kali sehari.
6–12 tahun: 2.5ml–5ml, 3 atau 4 kali setiap hari.

Digunakan secara berhati-hati dan atas nasihat doktor atau ahli farmasi bagi kanak-kanak berumur 2 hingga 6 tahun.

Disebabkan ada kesan sampingan yang berkaitan dengan dos yang berlebihan, dos atau kekerapan pengambilan hanya perlu ditambah oleh doktor anda.

Bila perlu digunakan

Ambil ubat ini seperti yang diarahkan oleh doktor anda. Dos tersebut akan dipamerkan pada label ubat. Periksa label ubat dengan teliti. Ianya dinyatakan berapa banyak dos yang anda perlu mengambil dan berapa

kerap. Jika anda tidak pasti, tanya doktor atau ahli farmasi anda.

Berapa lama perlu digunakan

Sentiasa ambil ubat anda seberapa lama yang anda telah diberitahu kecuali anda mengalami sebarang masalah. Untuk kes ini, periksa dengan doktor anda.

Jika terlupa menggunakan

Jika anda terlupa mengambil satu dos, ambil dos tersebut sebaik sahaja anda mengingatinya dan teruskan seperti biasa. Jika anda tidak mengambil ubat anda untuk satu hari, ambil dos biasa anda pada hari seterusnya. Jangan ambil dos berganda untuk menggantikan dos yang telah dilupa.

Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Jika anda secara tidak sengaja mengambil dos yang berlebihan, hubungi doktor atau ahli farmasi anda, atau hospital yang berdekatan dengan segera. Anda mungkin memerlukan perhatian perubatan segera.

Tanda-tanda dan gejala terlebih dos termasuk sawan, kesukaran bernafas, dan tekanan darah rendah.

Semasa menggunakan Chloramine Syrup 4mg/5ml

Perkara yang perlu dilakukan

- Ambil ubat anda seperti yang diberitahu oleh doktor anda.
- Beritahu semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi yang merawat anda bahawa anda mengambil Chloramine Syrup 4mg/5ml.
- Beritahu doktor anda dengan segera jika anda hamil semasa mengambil ubat ini.

Perkara yang tidak boleh dilakukan

- Ubat ini dipreskripsi untuk anda. Jangan bagi ubat ini kepada orang lain. Ia mungkin membahayakan mereka, walaupun simptom-simptom yang mereka alami adalah sama dengan anda.
- Elakkan pengambilan alkohol semasa mengambil ubat ini.

CHLORAMINE SYRUP

Chlorpheniramine Maleate (4mg/5ml)

Perkara yang perlu diberi perhatian

- Jika anda hamil atau menyusukan anak semasa rawatan, anda tidak patut mengambil chlorpheniramine kecuali dengan nasihat doktor anda.
- Ubat ini boleh menyebabkan rasa mengantuk. Jika ya, anda tidak boleh memandu atau mengendalikan jentera.
- Antihistamin mungkin menghalang atau mengurangkan reaksi positif kepada alergen yang digunakan dalam ujian kulit, dinasihatkan menghentikan penggunaan chorpheniramine kira-kira 4 hari sebelum ujian kulit.

Kesan-sesan sampingan

Seperti semua ubat, Chloramine Syrup 4mg/5ml juga mungkin mempunyai beberapa kesan sampingan yang tidak diingini walaupun tidak semua orang mendapatnya. Jumpa doktor atau ahli farmasi anda dengan segera jika anda mengalami kesan sampingan dibawah semasa mengambil ubat ini:

- *Kardiovaskular:* Tekanan darah rendah, sakit kepala, debaran jantung, degupan jantung yang laju dan denyutan jantung tidak normal.
- *Hematologi:* Kekurangan sel darah merah yang sihat.
- *Sistem Saraf Pusat:* Rasa mengantuk, pening, gangguan koordinasi, keletihan, kekeliruan, kegelisahan, keterujaan, gementar, menggeletar, kesukaran tidur, kegembiraan berlebihan, terasa seperti mencucuk dan kebas, rasa berputar, deringan dalam telinga, radang telinga dalaman, radang saraf dan sawan.
- *Oftalmik:* Penglihatan kabur dan penglihatan berganda.
- *Gastrousus:* Hilang selera makan, loya, muntah, cirit-birit dan sembelit.
- *Genitourinari:* Kekerapan buang air kecil, kesukaran buang air kecil, dan pengekalan air kencing.
- *Pernafasan:* sesak dada, semput dan hidung tersumbat.
- *Dermatologi:* Geligata, ruam dan hipersensitif kepada cahaya.
- *Lain-lain:* Seram sejuk, kekeringan mulut, hidung dan tekak

Orang tua berusia lebih 60 tahun lebih terdedah kepada kesan sampingan seperti pening, sedasi dan tekanan darah rendah.

Dinasihatkan untuk berjumpa dengan doktor/ahli farmasi anda untuk maklumat lanjut.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel: 03-78835549 atau laman web npra.moh.gov.my [Public → Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)].

Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk

Royce Pharma Manufacturing Sdn. Bhd.

PT 1663, Nilai Industrial Estate, 71800 Nilai, Negeri Sembilan, Malaysia.

Tarikh kemaskini RiMUP
30/07/2018

Nombor Siri:
NPRA(R4/1)190718/00202

Cara penyimpanan dan pelupusan Chloramine Syrup 4mg/5ml

-Penyimpanan

Simpan di tempat kering bawah suhu 30°C. Lindungi dari cahaya. Tutup bekas dengan rapat.

-Pelupusan:

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Dapatkan maklumat daripada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

Maklumat Lanjut

-Rupa dan warna produk:

Sirap berwarna kuning, jernih dengan perasa nanas.

-Bahan-bahan

-Bahan aktif:

Chlorpheniramine Maleate.

-Bahan-bahan tidak aktif:

Glucose, Citric Acid Anhydrous, Tutti Fruiti flavor, Sodium Benzoate, Sodium Saccharine, Refined Sugar, Quinoline Yellow, Pineapple flavor, Methylparaben and Propylparaben.

-Nombor MAL:

MAL19861150AZ